

**MESYUARAT KEEMPAT (BELANJAWAN 2023)  
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS  
PADA HARI AHAD, 11 DISEMBER 2022, JAM 9.30 PAGI**

**SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT**

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)  
SOALAN 1 (A91)**

Melihat ada dikalangan warga yang terlantar sakit dirumah, Sedili mencadangkan agar pihak Klinik dan Hospital mengadakan khidmat pemantauan pesakit dirumah bagi memberi rawatan kepada pesakit yang tidak berkemampuan seperti Klinik Bergerak khas terutamanya untuk penduduk luar bandar.

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)  
SOALAN 2 (A102)**

Sila nyatakan skim-skim bantuan yang disediakan kepada petani dan sejauh manakah keberkesanan bantuan-bantuan ini.

**YB DATO' HAJAH SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (MAHKOTA)  
SOALAN 3 (A19)**

Mohon Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di DUN Mahkota menyatakan secara terperinci langkah-langkah perancangan, persediaan dan pelaksanaan yang diambil oleh Kerajaan Johor bagi menghadapi banjir kilat dalam kerangka kesan perubahan iklim termasuk kedatangan musim tengkujuh tahun ini secara menyeluruh di Johor.

**YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)  
SOALAN 4 (A3)**

Sebagai laungan Bangsa Johor, wajarkah penganjuran Sukan Bangsa Johor dipolitikkan dimana peruntukan untuk melaksanakan program tersebut tidak diuruskan oleh pihak pembangkang, dan adakah penyelarasan DUN berfungsi mengurus serta membelanjakan peruntukan kerajaan di kawasan pembangkang?

**YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)**  
**SOALAN 5 (A8)**

Di dalam teras Jaringan Keselamatan Sosial terdapat lima komponen utama, salah satunya internet dan komunikasi. Sehingga hari ini, apakah status pelaksanaannya di kawasan-kawaan di dalam DUN Pasir Raja yang mempunyai masalah liputan?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 6 (A144)**

Adakah kerajaan negeri mempunyai hasrat dan pelan jangka panjang untuk mengembangkan rangkaian pengangkutan awam di negeri Johor?

**YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)**  
**SOALAN 7 (A136)**

Adakah Kerajaan Negeri menimbangkan untuk menyediakan Elaun Khas yang setimpal secara TETAP kepada semua Imam dan Bilal SURAU-SURAU dalam Negeri Johor?

**YB PUAN SARASWATI A/P NALLATHAMBY (KEMELAH)**  
**SOALAN 8 (A111)**

Apakah perancangan kerajaan bagi membela nasib golongan ibu tunggal dan B40 dari segi tempat tinggal seperti pembinaan rumah murah berkonsepkan sewa beli dalam DUN Kemelah?

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)**  
**SOALAN 9 (A113)**

Mohon EXCO untuk nyatakan jika terdapat sebarang pelan bagi memperkasakan golongan OKU untuk berniaga dari rumah disebabkan oleh akses mobiliti yang terbatas.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**  
**SOALAN 10 (A71)**

Baru-baru ini berlaku kemalangan maut melibatkan seorang pemuda 17 tahun yang terlanggar penutup 'manhole' TM di tengah jalan. Apakah langkah dan tindakan kerajaan terhadap syarikat utiliti yang selalu menjalankan kerja tidak sempurna sehingga memberi ancaman keselamatan kepada orang awam pengguna jalan raya?

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 11 (A90)**

Taman Aman Senai telah dilanda banjir teruk sejak kebelakangan ini iaitu pada 4 September 2021 dan 20 Ogos serta 16 November lepas. Apa punca serta langkah menyelesaikan masalah ini dan adakah sebarang bantuan atau pampasan setimpal diberikan kerajaan atas kerugian.

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)**

**SOALAN 12 (A77)**

DUN Bekok masih belum mempunyai pusat pengajian tinggi atau pusat latihan bertaraf kolej. Oleh yang demikian, saya mohon kerajaan negeri Johor untuk mendirikan kolej pendidikan sekurang-kurang sebuah di kawasan DUN Bekok.

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**

**SOALAN 13 (A141)**

Apakah pelan tindakan kerajaan negeri untuk mengekang isu kesesakan lalu-lintas di Causeway dan Second Link?

**YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)**

**SOALAN 14 (A127)**

Nyatakan senarai bantuan khusus untuk pekebun kecil (penoreh getah) dan perancangan kerajaan negeri untuk membantu golongan ini terutama ketika musim hujan dan kejatuhan harga getah.

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)**

**SOALAN 15 (A138)**

Nyatakan status projek naik taraf infrastruktur Tambak Johor–Singapura dan Laluan Kedua Malaysia-Singapura dan usaha menambah baik kesesakan di kedua-dua pintu masuk terutamanya Hari Jumaat dan Hari Cuti Umum.

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**

**SOALAN 16 (A66)**

Nyatakan perancangan dan tindakan segera yang diambil oleh kerajaan baharu negeri Johor pada tahun 2022 dalam mengatasi isu banjir, khususnya insiden banjir kilat yang melanda sekitar Johor Bahru pada 2 Ogos 2022.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**

**SOALAN 17 (A85)**

Sila nyatakan pretasi dan peruntukan yang diperoleh oleh konsesi syarikat SAFWA GLOBAL VENTURE dan Selia Selenggara bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan, longkang dan lain-lain pada tahun 2020 sehingga 2022 mengikut daerah.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)**

**SOALAN 18 (A75)**

Kerja-kerja membaik pulih atau menaik taraf yang dijalankan oleh konsesi Safwa amat teruk dan tidak sempurna. Apakah tindakan kerajaan terhadap konsensi tersebut?

**YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)**  
**SOALAN 19 (A69)**

Nyatakan status terkini Bas Rapid Transit Iskandar Malaysia (IMBRT) dan adakah kerajaan negeri bercadang untuk memperluaskan laluan IMBRT di luar Johor Bahru.

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)**  
**SOALAN 20 (A86)**

Sila nyatakan prosedur operasi standard (SOP) pengurusan pengendalian aduan awam yang ditetapkan kepada konsesi syarikat seperti SAFWA GLOBAL VENTURE serta Selia Selenggara, dan apa tindakan akan diambil sekiranya aduan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan?

**YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)**  
**SOALAN 21 (A31)**

Nyatakan status kesemua 15 inisiatif yang telah dibentangkan dalam agenda Johor Digital bagi Belanjawan Johor 2022?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 22 (A157)**

Muar yang sinonim dengan Bandar Maharani Bandar Diraja telah menetapkan wawasan pembangunan sebagai Bandar Warisan, Mampan dan Pintar sekaligus mensasarkan matlamat untuk menjadikan Muar sebagai daerah peneraju pembangunan ekonomi wilayah utara negeri Johor menjelang 2030, Bagaimanakah perkembangannya sehingga kini?

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)**  
**SOALAN 23 (A154)**

Projek terbaru yang dinamakan Maharani Energy Gateway itu bertujuan untuk mewujudkan hab tenaga dan pelabuhan laut dalam yang melibatkan tiga pulau buatan manusia seluas 1,295 hektar. Sejauh manakah perkembangannya dan kesannya kepada alam sekitar?

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)**  
**SOALAN 24 (A122)**

Mengapa kerajaan membatalkan baki peruntukkan khas perayaan bernilai RM40 ribu yang sebelum ini dinyatakan oleh Mantan Menteri Besar pada Item 42 Bajet Johor 2022?

**YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)**  
**SOALAN 25 (A142)**

Berapakah peruntukkan yang telah diumumkan oleh Menteri Besar Johor selepas Parlimen Malaysia dibubarkan dan sepanjang tempoh berkempen sehingga sebelum hari mengundi PRU 15 mengikut kawasan?

**4. SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2023) TAHUN 2022**

-----  
-----  
----- (Penggulungan YAB Menteri Besar Johor) -----  
-----  
-----

**5. RUNDINGAN -**

- Rundingan mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Johor Tahun 2023.

**6. RANG UNDANG-UNDANG -**

- 6.1 Enakmen Perbekalan (2023) Tahun 2022.
- 6.2 Enakmen Perbekalan Tambahan (No. 3) Tahun 2022.
- 6.3 Enakmen Setiausaha Kerajaan Johor (Pemerbadanan) (Pindaan) 2022.
- 6.4 Enakmen (Elaun-Elaun) Kerabat DiRaja (Pindaan) 2022.
- 6.5 Enakmen Majlis Perbandaran Pontian 2022.

**Persidangan ditangguhkan sehingga ke suatu tarikh yang akan diberitahu kelak.**